

### DW 5.3: Cadangan Menaik Taraf Gerai Buah-Buahan Segar

Cadangan menaik taraf Gerai Buah-buahan Segar (GBBS) memfokus kepada 10 GBBS sedia ada yang terdapat di semua daerah di dalam kawasan Johor Utara, seperti mana berikut:

#### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

##### Justifikasi Cadangan:

- Mewujudkan GBBS yang lebih tersusun dan merangkumi kesemua daerah di dalam kawasan Johor Utara.
- Menaik taraf 10 GBBS sedia ada bagi meningkatkan nilai jualan dan pendapatan usahawan melalui tarikan pengunjung ke atas konsep keseragaman dan kebersihan gerai.

##### Komponen Cadangan:

- Lot perniagaan
- Rak jualan buah
- Papan tanda perniagaan
- Papan tunjuk arah
- Lain-lain bahan promosi

##### Kaedah Pelaksanaan:

- Kerjasama awam dan swasta (FAMA dan Usahawan Petani).

Cadangan pecahan jualan buah-buahan:

- 60% buah tempatan/bermusim/tanaman kontan/produk pertanian.
- 40% Buah import/IKS/produk pertanian tambah nilai/produk pelengkap.

#### Buah-buahan Segar Utama Bagi Setiap Daerah Sebagai Produk Utama Untuk Dipasarkan Di Gerai Buah-buahan Segar (GBBS):


##### DAERAH MUAR

- Betik*
- Durian*
- Manggis*
- Nanas*
- Rambutan*



##### DAERAH SEGAMAT

- Durian*
- Betik*
- Manggis*
- Nangka*
- Rambutan*
- Tembikai*
- Mata Kucing*



##### DAERAH TANGKAK

- Belimbing*
- Durian*
- Jambu Batu*
- Manggis*
- Pisang*



#### CADANGAN LOKASI

Cadangan menaik taraf GBBS sedia ada merangkumi Daerah Muar (4 GBBS), Daerah Segamat (3 GBBS) dan Daerah Tangkak (3 GBBS).

Daerah	Naik Taraf GBBS Sedia Ada
Muar	4
Segamat	3
Tangkak	3
<b>Jumlah</b>	<b>10</b>

#### AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>BPEN Johor</li> <li>FAMA</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>FAMA</li> <li>Pengusaha</li> <li>Usahawan</li> <li>Petani</li> </ul>

#### ANGGARAN KOS


- Kos anggaran naik taraf: RM 500,000 bagi setiap cadangan.

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 5,000,000**

#### FASA PELAKSANAAN



Rajah 4.53: Objektif Penubuhan Gerai Buah-Buahan Segar



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

Gerai Buah-Buahan Segar sedia ada di Senggarang Bandar Batu Pahat merupakan GBBS jenis berstruktur Kanopi yang bersifat separa kekal. Faktor ini mempengaruhi keselesaan usahawan untuk berniaga, kepuasan pengguna serta daya tarikan pelanggan.

Oleh itu cadangan menaik taraf serta pembangunan GBBS baru di Johor Tengah ialah jenis berstruktur bangunan yang bersifat kekal. Dengan ini, keselesaan, kekemasan serta kebersihan dapat dimaksimakan untuk menarik perhatian pelanggan.

#### GBBS Sedia Ada



Foto: Contoh GBBS Sediada

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

#### Cadangan GBBS



Foto: Cadangan Menaik taraf Gerai GBBS

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021